

# Kilang plastik seleweng baja 96,000kg baja subsidi diserbu

➔ **KPDNHEP** tahan pemilik gudang, bahan dibungkus semula guna jenama berbeza

Oleh **Siti Nur Mas Erah Anran**  
 bhnews@bh.com.my

■ Yan

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merampas 96,000 kilogram baja subsidi pelbagai jenama dianggarkan bernilai RM100,000 yang dipercayai diseleweng di sebuah kilang plastik di Guar Chempedak, di sini, semalam.

Serban bermula jam 11 pagi

bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Putrajaya, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Jabatan Imigrasi Malaysia (JIM) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) itu turut mendapati premis itu tidak mempunyai lesen pemborong.

Difahamkan, baja yang dirampas di gudang premis berkenaan turut dibekalkan menerusi Skim Insentif Pengeluaran Padi kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAPAS) selain baja jenama perti Star.

**Jual RM100 sekampit**

Baja kimia yang diperolehi dari pada 'perjual' akan dibungkus semula menggunakan jenama berbeza sebelum dijual dengan harga lebih RM100 sekampit.

Kerja pembungkusan semula akan dilakukan pada waktu petang dan malam, bergantung kepada penghantaran bekalan baja yang diperolehi.

Premis berkenaan dipercayai menjalankan operasinya sejak beberapa tahun lalu dan hasil risikan



**Pegawai KPDNHEP, Mohd Yazid Azmi dan Kamal Reza Kamal Pasha** memeriksa baja subsidi diseleweng di kilang, di Guar Chempedak, Yan, semalam.

dijalankan berjaya mengenal pasti kegiatan penyeleweng itu.

Pengarah Bahagian Penguatkuasaan KPDNHEP, Datuk Iskandar Halim Sulaiman, mengesahkan pemilik baja tidak memiliki lesen berkaitan penyimpanan baja yang menjadi satu kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Pemilik gudang, iaitu seorang lelaki tempatan berusia 36 tahun ditahan dalam serbuan itu.

"Sebuah lori treler turut disita menjadikan keseluruhan nilai rampasan berjumlah RM250,000. "Siasatan seterusnya akan dijalankan bagi mengetahui punca kerana subsidi kerajaan itu," katanya ketika dihubungi **BH** selepas operasi berkenaan.

Sementara itu, sumber Jabatan Imigrasi mengesahkan empat lelaki warga negara Pakistan berusia antara 30 sehingga 40-an turut ditahan dalam serbuan itu.

**Pemilik gudang, iaitu seorang lelaki tempatan berusia 36 tahun ditahan dalam serbuan itu. Sebuah lori treler turut disita menjadikan keseluruhan nilai rampasan berjumlah RM250,000"**

**Iskandar Halim Sulaiman,**  
 Pengarah Bahagian Penguatkuasaan KPDNHEP

Semua memiliki permit sah namun didapati melanggar Peraturan 39 (b) Peraturan-Peraturan Imigrasi 1963 kerana alamat tempat kerja yang didaftarkan berbeza.

**Kerja pembungkusan**

Difahamkan, ada warga asing sudah bekerja di situ selama tiga tahun dan bertanggungjawab melakukan kerja pembungkusan semula baja yang dihantar ke kilang terbabit.

Terdahulu, **BH** melaporkan ketiadaan data lengkap jumlah petani aktif dipercayai menyebabkan kerajaan kerugian berjuta ringgit setiap tahun akibat ketirisan dan penyelewengan dalam aghian subsidi baja.

Penyelewengan subsidi baja berkenaan turut dikesan antara petani negara ini gagal memperoleh subsidi yang baik taraf hidup.